

'Jangan cepat putus asa, segera buat kemoterapi'

Kuala Lumpur: Bagi pesakit kanser, jangan putus asa dan menyerah kalah, bagi yang sihat pula, hargai kurniaan itu dan pantau tahap kesihatan dari semasa ke semasa.

Itu pesanan bekas pesakit kanser, Dr Aizan Sofia Amin, 37, yang turut kehilangan kaki kanannya pada usia 16 tahun, selepas didiagnosis pada 1997.

Pensyarah Kanan Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata, meskipun frasa 'jangan putus asa' itu dianggap 'klise', itulah kalimah yang mampu membiina semangat positif kepada mereka yang mengalami nasib sama.

"Kanser bukan penamat hidup, kemoterapi memang menyakitkan, tetapi semangat kena kental, kalau awal menyerah kalah, ubat mahal dan rawatan canggih pun tidak berjaya," ka-



Aizan Sofia Amin

tanya sempena Hari Kanser Sedunia yang disambut 4 Februari setiap tahun.

Sambutan Hari Kanser Sedunia diraikan bagi mencegah kematian akibat kanser yang boleh dielak dengan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan dalam kalangan individu, keluarga dan komuniti.

Aizan Sofia yang menghidap kanser tulang sebelum ini, menasihati pesakit supaya jangan sekali-kali meninggalkan rawatan hospital dan perlu mendapatkan pandangan doktor sekiranya ingin mengguna-

kan rawatan alternatif.

Penerima Anugerah Tokoh Pekerja Negara kategori Orang Kurang Upaya (OKU) 2019, itu turut menyarankan masyarakat supaya peka dengan perubahan diri dan segera mendapatkan rawatan sekiranya sedar ada perubahan pada diri.

"Sedar akan perubahan dalam diri, jalani pemeriksaan dan jangan tangguh. Semakin cepat kita jalani pemeriksaan semakin cepat kita dapat kesan sekiranya ada kanser, bila kita takut kita sebenarnya beri ruang kepada penyakit itu berkembang," tambah beliau yang turut menasihatkan masyarakat supaya menjalani budaya hidup sihat dan kurangkan stres.

Beliau yang juga sukarrelawan Majlis Kanser Nasional turut meminta kenalan rapat dan keluarga pesakit kanser lebih sensitif dan tidak menyinggung perasaan pesakit berkenaan.